

KERTAS MODEL UASA EKSTRA

Skor

/60

KERTAS 1 (02/1)

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

1 jam 30 minit

Bahagian A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pelbagai fesyen pakaian dijual di _____ yang baru dibuka itu.
A pusat C butik
B medan D stesen
2. Setelah siap memakaikan sanggul lintang, mak andam melakukan _____ pada wajah pengantin perempuan itu.
A tatarias C tatakkerja
B tatatertib D tatasusila

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

3. I Semasa menuntut ilmu di luar negara, abang sangat *cermat* berbelanja.
II Kakak menyusun pinggan mangkuk itu di dalam almari dengan *cermatnya*.
III Azif belajar dengan *cermatnya* supaya lulus dengan cemerlang dalam ujian.
IV Semua peserta perahu layar itu *cermat* mengawal perahu masing-masing.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I "Alamat, saya terlupa menyiapkan kerja sekolah," kata Roshan dalam hatinya.
II Darwis memberi *alamat* kepada ibunya sebaik-baik sahaja dia sampai di rumah.
III Kata orang-orang tua, pinggan yang jatuh ketika dipegang memberi *alamat* yang buruk.
IV Murni mencari-cari *alamat* rumah kawannya di Kuala Lumpur dengan ditemani oleh adiknya.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Mereka saling bantu-membantu di pusat pemindahan sementara mangsa banjir.
A saling bantu
B saling membantu
C membantu-bantu
D saling bantu-membantu
6. Setelah mencuba beberapa kali, akhirnya teka silang kata itu dapat dijawab oleh saya dengan tepatnya.
A dapat saya jawab
B dapat saya menjawab
C dapat dijawab saya
D dapat dijawab oleh saya

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Semua penduduk-penduduk diseru supaya bersenam sekurang-kurangnya tiga puluh minit sehari.
II Puan Suria menempah sepasang baju kurung untuk dipakai oleh anaknya pada hari raya.
III Aida menyapu dedaun di halaman manakala kakaknya menyiram pokok bunga.
IV Lawatan itu bertujuan untuk mengisi masa terluang murid-murid.
A I dan II sahaja C I, II, dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III, dan IV sahaja
8. I Kami akan bermain bola sepak jika hari tidak hujan.
II Semasa waktu rehat, dia suka membaca buku di perpustakaan.
III Cikgu Habsah meminta murid-murid berbincang tentang isu bencana alam.

IV Nenek menabur setompok beras kepada anak-anak ayam di tepi reban.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan **ayat yang dicetak tebal**.

9. Kata Razlan, “Bungkusan yang baru saya terima daripada posmen ini dikirim oleh Roslinda”.

- A Razlan memaklumkan bahawa Roslinda baru sahaja menerima bungkusan daripada posmen.
- B Roslinda meminta posmen menyerahkan bungkusan yang baru dikirimnya itu kepada Razlan.

C Roslinda memberitahu Razlan bahawa dia baru sahaja menerima bungkusan daripada posmen.

D Razlan menyatakan bahawa bungkusan yang baru diterimanya daripada posmen itu dikirim oleh Roslinda.

Soalan 10

Pilih **peribahasa** yang **paling sesuai**.

10. Hasil daripada kegigihannya menabung wang setiap hari, Khairina dapat membeli komputer riba idamannya itu.

Keadaan ini sesuai dengan peribahasa seperti di bawah.

- A Alang-alang mandi biar basah
- B Belakang parang pun kalau diasah nescaya tajam
- C Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit
- D Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Maka ia pun bertemu dengan tempat orang membuang sampah di tengah jalan raya itu. Maka ia pun berhentilah ia di situ. Maka dicarinyalah di dalam sampah yang bertimbun-timbun itu barang yang dapat dimakan. Maka dengan takdir Allah taala maka bertemulah ketupat sebiji basi dengan buku tebu. Maka dimakannya ketupat itu laki bini. Setelah sudah dimakannya ketupat itu maka barulah dimakannya buku tebu itu. Maka adalah segar sedikit rasa tubuhnya kerana beberapa hari lamanya tiada merasai nasi. Hendak meminta ke rumah orang tidak berani. Usahkan diberi orang hampir pun tiada boleh. Demikian halnya Si Miskin itu.

Maka hari pun petanglah. Maka Si Miskin itu *tiada undur* dari situ lagi. Di sanalah ia tidur. Maka hari pun sianglah. Maka pagi-pagi hari maka Si Miskin pun pergi berjalan dua laki isteri maka bertemulah dengan orang. Maka dilihatnya Si Miskin itu segera mereka mengambil kayu. Maka dilontarnya dan dipalunya Si Miskin dua laki isteri itu. Maka ia pun larilah membawa dirinya dengan berlumuran darah. Maka kata isterinya, “Wahai kakanda, sangatlah rasa tubuhku tiada berdaya lagi, hancurlah segala anggotaku.”

Maka terlalu belas rasanya hati suaminya melihat laku isterinya maka ia pun turut menangis seraya mengambil daun kayu, dimandikannya maka disapunya seluruh tubuh isterinya sambil berkata, “Diamlah tuan, jangan menangis. Sudahlah untung kita ini rupanya.” Maka isterinya pun diamlah.

(Dipetik daripada ‘Bahagia Sesudah Derita’, Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata *tiada undur* membawa maksud

- A tidak berganjak.
- B terlalu daif.
- C tiada kekuatan.
- D sangat lemah.

12.

Maka dengan takdir Allah taala maka bertemulah ketupat sebiji basi dan buku tebu.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah peribahasa yang sesuai?



- A Seperti aur ditarik songsang
- B Seperti bulan jatuh ke riba
- C Bagai gembala diberi keris
- D Biar putih tulang, jangan putih mata

13. Maka terlalu belas rasanya hati suaminya melihat laku isterinya maka ia pun turut menangis ...

Apakah perwatakan Si Miskin berdasarkan pernyataan di atas?

- A Setia
- B Penyabar
- C Berdikari
- D Penyayang

14. Apakah yang dilakukan oleh orang kampung kepada Si Miskin dan isterinya?

- A Memberikan sebiji ketupat dan sebuku tebu
- B Melontar dan memukul mereka dengan kayu
- C Menghina dan mencerca mereka
- D Mengusir mereka dari kampung.

15. Berikut ialah perkara yang dilakukan oleh Si Miskin dan isterinya di tempat pembuangan sampah **kecuali**

- A tidur.
- B meminta nasi daripada orang ramai.
- C makan sebiji nasi dan sebuku tebu.
- D mencari-cari makanan di dalam timbunan sampah.

Bahagian B

[30 markah]

1. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan.

JUALAN GUDANG PERTENGAHAN TAHUN 2026 BAUCER DISKAUN RM5*

TERMA DAN SYARAT

- * Sah digunakan untuk pembelian pakaian bayi dan kanak-kanak Anakku Comel sahaja.
- * Sah digunakan untuk pembelian minimum RM50 untuk satu risit transaksi.
- * Sah digunakan semasa Jualan Gudang Pertengahan Tahun Anakku Comel sahaja, iaitu dari 2 Jun 2026 hingga 30 Jun 2026.
- * Tidak boleh ditukarkan kepada wang tunai.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Aina mencecah keropok lekor itu dengan cili sos sebelum mengunyah keropok yang garing itu.

- (ii) Pengawas sekolah-pengawas sekolah diminta untuk berkumpul di bilik mesyuarat sekarang.

[2 markah]

3. Baca arahan dengan telitinya dan jawab semua soalan yang diberikan.

Gabungkan **ayat tunggal** di bawah ini menjadi **ayat majmuk**.

- (i) Tukang kebun mencantas dahan pokok bunga kertas itu.
Dia memasukkan dahan itu ke dalam kereta sorong.

- (ii) Persembahan koir itu mendapat pujian daripada penonton.
Persembahan mereka sangat menarik.

[4 markah]

4. Baca bahan di bawah ini dengan telitinya.

Berdasarkan situasi tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.

Ikmal sangat berminat dalam perlawanan bola sepak. Hasil kegigihannya berlatih di padang pada setiap petang, dia terpilih untuk mewakili pasukan sekolahnya untuk menyertai perlawanan bola sepak peringkat daerah. Setahun kemudian, Ikmal menjadi orang harapan sekolahnya dalam sukan tersebut.

- (i) _____

- (ii) _____

[2 markah]

5. Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BAHAN 1

Halimah menghulurkan surat khabar hari itu kepada adiknya. Hisyam menatap surat khabar itu.

Matanya kemudian menjadi luas. Dia lalu meletakkan surat khabar. Dia mendongak memandang kakaknya.

"Kenapa jadi begini, kak?"

"Dah Abang Harun biarkan sangat Si Musa tu. Itulah sudahnya."

"Teruk ni kak. Mati hukumnya!"

"Baru kakak tahu kenapa Abang Harun mati-mati nak jualkan tanah tu. Nak cepat pula tu. Inilah puncanya. Nak bayar kos guaman."

"Masa tu Musa okey saja. Cuma itulah, asyik berlumba malam-malam. Macam Abang Harun tahu, Musa akan terlibat dengan kes begini." Hisyam memandang wajah kakaknya.

"Habis, bila hal ini berlaku sampai terlibat dengan pembunuhan ni?" Mata Halimah memandang tajam wajah adiknya.

"Masa akhir-akhir ini barangkali. Ikut kawan tu agaknya, kak."

Dipetik daripada cerpen 'Sekeping Tanah', antologi *Bintang Hati*,
Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia

BAHAN 2

Kita ada ibu
ibu kita satu
pesanannya beribu-ribu.

Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu
"Buat begini jangan begitu
bacalah buku selalu
kukuhkan diri dengan ilmu
pilihlah kawan yang mulia hati
tolaklah kawan pementing diri
pilihlah kawan yang punya petunjuk
tolaklah kawan bertabiat buruk."
Ibu yang satu menyekat kita di pintu
bertanya ke mana arah tuju
"Jagalah diri selalu
di luar sana mungkin bencana menunggu."
Kita menjadi jemu
mendengar pesanan beribu-ribu
tapi ibu tetap ibu
pesanan bertambah satu dan satu
"Jangan dibiarkan kepala berkutu
carilah ubat jerawat batu."

Suatu senja
seorang temanku merintih
kerana kehilangan kekasih
kini baru disedarinya
pilihan musang berbulu arnab
biarpun menyamar cekap
ada masa termasuk perangkap
Si Bedul sudah ditangkap
Si Bedul di dalam lokap.

Dia menyatakan kesalnya
kerana dia alpa
ibunya berpesan sejak dulu
"Pilihlah kawan yang bermutu
Jangan dipilih kawan berhantu."
Mengenangkan nasib temanku itu
aku merindui pesanan ibu.
Ya, pesanan ibu.

Ibu,
kuyakini kau mengenali
yang mana permata, yang mana kaca
yang mana budaya, yang mana buaya
berilah pesanan beribu-ribu
malah berpuluh ribu
aku tidak akan jemu
ini janjiku kerana aku tahu
sempurna seorang ibu
dengan pesanan beribu-ribu.

Dipetik daripada sajak 'Pesan Ibu Beribu-ribu', antologi *Bintang Hati*,
Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan masalah yang diperkatakan.

[3 markah]

(ii) Kemukakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam kedua-dua bahan tersebut.

[3 markah]

(iii) Kawan antara individu yang rapat dengan kita. Secara tidak langsung, kita turut terpengaruh dengan kelakuan kawan kita.

Pada pendapat anda, mengapakah kita harus memilih kawan dengan bijakny?


[4 markah]

6. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 3**.

- (i) Justeru Impian di Jaring, karya Zaid Akhtar
- (ii) Hempasan Ombak, karya Zailiani Taslim
- (iii) Tawanan Komander Caucasus, karya Ruzaini Yahya
- (iv) Chot, karya Azizi Haji Abdullah

Nilai ialah perlakuan positif yang memberikan kesan baik dan teladan kepada seseorang.

Berdasarkan sebuah daripada novel yang anda pelajari, buktikan **nilai murni** yang diberikan dengan mengemukakan **tiga contoh peristiwa** yang sesuai.





Handwriting practice area with horizontal lines.

[10 markah]

Bahagian C

[15 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan menghayati Rukun Negara dalam kalangan rakyat**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Rukun Negara merupakan aspek penting yang ditekankan oleh kerajaan kepada rakyat dalam usaha untuk melahirkan warganegara yang berjati diri. Namun demikian, sejak akhir-akhir ini, penghayatan Rukun Negara dalam kalangan masyarakat khususnya golongan remaja semakin kurang sehingga mencetuskan kebimbangan banyak pihak.

Untuk menyemarakkan kesedaran tentang Rukun Negara ini, kerajaan disaran agar melancarkan Kempen Penghayatan Rukun Negara kerana penghayatan terhadap Rukun Negara semakin terhakis dalam jiwa rakyat Malaysia. Malah jika ditanya kepada generasi muda sekarang, sudah pasti ada antara mereka yang tidak mengetahui kandungan prinsip Rukun Negara yang menjadi pegangan rakyat negara ini. Keadaan ini menyebabkan generasi sekarang seakan-akan hilang jati diri mereka dan mudah terpengaruh akan budaya asing.

Penghayatan Rukun Negara amat penting kepada masyarakat negara ini. Hampir enam dekad negara kita mencapai kemerdekaan. Segala cabaran yang ditempuh telah membina tapak yang menjadi asas keharmonian dan perpaduan kaum. Rukun Negara menjadi panduan bagi rakyat untuk memupuk semangat setia kawan dan kecemerlangan hidup bermasyarakat serta bernegara. Selain itu, Rukun Negara bermatlamat untuk membentuk masyarakat yang adil dan saksama supaya kemakmuran negara dapat dinikmati bersama-sama.

Prinsip Rukun Negara sebenarnya berkait rapat antara satu sama lain. Sebagai contohnya, Kepercayaan kepada Tuhan menerapkan kepercayaan beragama dapat mengukuhkan ikatan semua bangsa seterusnya memantapkan institusi negara kerana rakyatnya mempunyai pegangan hidup. Tahap kesetiaan yang tinggi yang diberikan kepada raja dan negara pula amat bersesuaian dalam konteks kerana raja ialah lambang perpaduan negara.

Keluhuran perlembagaan pula ialah sumber perundangan negara yang tertinggi dan harus diterima, dipatuhi, serta dipertahan oleh rakyat. Kedaulatan undang-undang pula memberi keadilan kepada setiap rakyat di negara ini kerana dijamin oleh institusi kehakiman yang bebas dan berwibawa. Prinsip kesopanan dan kesusilaan mementingkan perlakuan yang sopan dalam kalangan rakyat untuk menjaga hubungan baik masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Sehubungan dengan itu, rakyat harus sedar bahawa Rukun Negara mampu menerapkan amalan menghormati undang-undang dalam kalangan masyarakat pelbagai agama dan budaya di negara ini. Langkah kerajaan melancarkan kempen tersebut amat tepat bagi mengingatkan rakyat supaya menghormati kaum lain agar keamanan dan keharmonian negara dapat terus dipelihara.

[15 markah]



KERTAS 2 (02/2)

Skor

/40

Arahan: Jawab soalan dalam **Bahagian A** serta **satu** soalan daripada **Bahagian B**.

1 jam

Bahagian A

[10 markah]

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Keselamatan semasa Banjir

berpindah dengan segeranya – pusat penempatan sementara – melarang anak-anak bermain air banjir
– mengelak daripada meredah jalan raya yang ditenggelami air – menutup suis utama elektrik, paip air,
dan dapur gas – meninggalkan rumah – menjauhi wayar – terjatuh ke dalam air – renjatan elektrik – peka –
bertanggungjawab – keselamatan diri


[10 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, **pilih satu daripada tiga soalan** yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **tidak kurang daripada 180 patah perkataan**.

BUDAYA MEMBACA



**MELAKUKAN
AKTIVITI LAIN**




SIBUK



**MEMBANGUNKAN
MASYARAKAT**



MENJADI BUDAYA



BERLATIH



MENJADI JOHAN

1. Anda telah menyertai pertandingan pidato bersempena dengan Kempen Budaya Membaca peringkat daerah.

Ceritakan pengalaman anda ketika menyertai pertandingan tersebut.

2. Budaya membaca semakin kurang diamalkan oleh masyarakat, termasuk golongan remaja ekoran daripada kepesatan sains dan teknologi dalam kehidupan mereka.

Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan kurangnya minat membaca dalam kalangan remaja pada masa ini.

3. Anda berhasrat untuk menyertai pertandingan syarahan bersempena dengan Minggu Bahasa peringkat daerah. Tajuk syarahan anda ialah 'Ke Arah Membudayakan Minat Membaca'.

Sediakan teks syarahan anda itu selengkapnya.



Handwriting practice area with 30 horizontal lines.

[30 markah]